

**KESAN INTERVENSI ‘TAMBAH SERINGGIT LAGI +  
BEG SAYA’ TERHADAP KEMAHIRAN MEMBELI  
MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN**

**SHARINAH BT MOHD IBRAHIM**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2016**

**KESAN INTERVENSI ‘TAMBAH SERINGGIT  
LAGI + BEG SAYA’ TERHADAP KEMAHIRAN  
MEMBELI MURID BERMASALAH  
PEMBELAJARAN**

**oleh**

**SHARINAH BT MOHD IBRAHIM**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**November 2016**

## **PENGHARGAAN**

Syukur kehadiran ilahi atas kesempatan yang diberikannya bagi menyiapkan usul ini. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih terhadap penyelia yang berdedikasi seperti Prof. Dr.Lee Lay Wah atas tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan sehingga tesis ini mencapai tahap ini. Semoga kejayaan demi kejayaan terus menemui mereka atas jerih perih membantu pelajarinya.

Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada para guru pendidikan khas yang membantu membekalkan idea serta sokongan dalam menyiapkan usul ini. Tidak lupa juga kepada kakitangan PPIP dan IPS yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu sepanjang tempoh usul kajian ini.

Kepada murid masalah pembelajaran yang tersayang, moga dirimu terus disinari cahaya kegembiraan atas sokongan padu yang diberikan walau tanpa disedarimu. Buat anak dan keluarga tercinta, moga kesabaranmu mengorbankan waktu bersama akan dibalasi dengan anugerah yang tidak ternilai.

Akhir sekali ribuan terima kasih terhadap penilai-penilai usul ini, semoga teguran dan panduan yang diberikan akan terus menjadikan kajian ini lebih berkualiti kelak.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI LAMPIRAN	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBARAJAH	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvi

### **BAB 1 : PENGENALAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Persoalan Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Definisi istilah	13
1.9.1	Murid Bermasalah Pembelajaran	14
1.9.2	Kemahiran Membeli	14
1.9.3	Intervensi Tambah Seringgit Lagi	14
1.9.4	Beg Saya	15
1.9.5	Intervensi Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya	15
1.10	Kesimpulan	15

## **BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	17
2.2	Definisi Masalah Pembelajaran	18
2.3	Ciri-ciri Masalah Pembelajaran dan Kesannya Terhadap Pembelajaran	20
2.4	Kepentingan Kemahiran Wang untuk Murid Bermasalah Pembelajaran	23
2.5	Kerangka Teoretikal Kajian	25
2.6	Intervensi Tambah Seringgit Lagi dan Kajian Berkaitan	28
2.7	Kaedah Intervensi Tambah Seringgit Lagi dan 'Beg Saya'	33
2.8	Kepentingan generalisasi ke konteks sebenar	39
2.9	Kerangka Konsep Kajian	40
2.10	Rumusan	42

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	43
3.2	Rekabentuk Kajian	43
3.3	Kaedah Kuantitatif	45
3.4	Kaedah Kualitatif	46
3.5	Metodologi Kajian	47
3.5.1	Prosedur kajian bagi kemahiran membeli di kelas	47
3.5.2	Prosedur kajian bagi kemahiran membeli di keadaan sebenar	49
3.5.3	Rancangan Pengajaran 'Intervensi Tambah Seringgit + Beg Saya'	51
3.6	Instrumen Kajian dan Kesahan Isi Kandungan	52
3.7	Persampelan	52

3.7.1	Sampel Murid	52
3.7.1.(a)	Ain	53
3.7.2. (b)	Syafiq	54
3.7.3. (c)	Goh	54
3.7.1. (d)	Afiq	55
3.7.1. (e)	Hemaraj	55
3.7.2	Sampel untuk Temubual	56
3.8	Kajian Rintis	56
3.9	Kebolehpercayaan antara-penilai	58
3.10	Kaedah Penganalisaan Data	59
3.11	Rumusan	59

#### **BAB 4 : KEPUTUSAN DAN ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	61
4.2	Analisis Data Kuantitatif	62
4.2.1	Goh (Kelas – Tahap 1)	62
4.2.2	Goh (Kelas – Tahap 2)	65
4.2.3	Goh (Kelas – Tahap 3)	68
4.2.4	Goh (Kelas – Tahap 4)	70
4.2.5	Syafiq (Kelas – Tahap 1)	62
4.2.6	Syafiq (Kelas – Tahap 2)	77
4.2.7	Syafiq (Kelas – Tahap 3)	80
4.2.8	Syafiq (Kelas – Tahap 4)	83
4.2.9	Ain (Kelas – Tahap 1)	85

4.2.10	Ain (Kelas – Tahap 2)	87
4.2.11	Ain (Kelas – Tahap 3)	89
4.2.12	Ain (Kelas – Tahap 4)	91
4.2.13	Afiq (Kelas – Tahap 1)	94
4.2.14	Afiq (Kelas – Tahap 2)	97
4.2.15	Afiq (Kelas – Tahap 3)	99
4.2.16	Afiq (Kelas – Tahap 4)	101
4.2.17	Hemaraj (Kelas – Tahap 1)	103
4.2.18	Hemaraj (Kelas – Tahap 2)	106
4.2.19	Hemaraj (Kelas – Tahap 3)	108
4.2.20	Hemaraj (Kelas – Tahap 4)	110
<b>4.3</b>	<b>Analisis Visual Data Kuantitatif ( D’smart )</b>	<b>113</b>
4.3.1	Goh D’smart ( Tahap 1)	113
4.3.2	Goh D’smart ( Tahap 2)	114
4.3.3	Goh D’smart ( Tahap 3)	116
4.3.4	Goh D’smart ( Tahap 4)	117
4.3.5	Syafiq D’smart ( Tahap 1)	118
4.3.6	Syafiq D’smart ( Tahap 2)	119
4.3.7	Syafiq D’smart ( Tahap 3)	120
4.3.8	Syafiq D’smart ( Tahap 4)	122
4.3.9	Ain D’smart ( Tahap 1)	123
4.3.10	Ain D’smart ( Tahap 2)	124
4.3.11	Ain D’smart ( Tahap 3)	125

4.3.12	Ain D'smart ( Tahap 4)	126
4.3.13	Afiq D'smart ( Tahap 1)	127
4.3.14	Afiq D'smart ( Tahap 2)	128
4.3.15	Afiq D'smart ( Tahap 3)	130
4.3.16	Afiq D'smart ( Tahap 4)	131
4.3.17	Hemaraj D'smart ( Tahap 1)	132
4.3.18	Hemaraj D'smart ( Tahap 2)	133
4.3.19	Hemaraj D'smart ( Tahap 3)	134
4.3.20	Hemaraj D'smart ( Tahap 4)	135
<b>4.4</b>	<b>Rumusan Analisis Visual</b>	<b>137</b>
4.4.1	Goh	137
4.4.2	Syafiq	138
4.4.3	Ain	139
4.4.4	Afiq	139
4.4.5	Hemaraj	140
<b>4.5</b>	<b>Analisa Data Kualitatif</b>	<b>140</b>
4.5.1	Mudahnya Membeli	141
4.5.2	Keyakinan	142
4.5.3	Kegembiraan	142
4.5.4	Meningkatkan Minat dan Motivasi Murid	143
4.5.5	Peranan Beg Saya	144

<b>4.6</b>	Analisa Data Temubual	144
4.6.1	Berdikari	145
4.6.2	Berani	146
<b>4.7</b>	Kesimpulan	146
<b>BAB 5 : PERBINCANGAN</b>		148
5.1	Pengenalan	148
5.2	Perbincangan Persoalan Kajian 1	149
5.3	Rumusan	156
5.4	Perbincangan Persoalan Kajian 2	159
5.5	Perbincangan Persoalan Kajian 3	165
5.6	Implikasi Penggunaan ‘Beg Saya’	167
5.7	Implikasi Kajian	170
5.8	Limitasi Kajian	173
5.9	Cadangan Bagi Kajian Lanjutan	174
5.10	Kesimpulan	177
<b>RUJUKAN</b>		178

## SENARAI LAMPIRAN

### MUKA SURAT

Lampiran 1 ( Rancangan Mengajar Untuk ‘ Beg Saya ’ )	186
Lampiran 2 ( Rancangan Mengajar Untuk ‘ Intervensi Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’)	189
Lampiran 3 (Rancangan Pengajaran Untuk Peringkat Generalisasi Di Kedai D’smart )	194
Lampiran 4 ( Borang Rekod Data Maklumbalas Murid ( Fasa Baseline )	196
Lampiran 5 ( Borang Rekod Data Maklumbalas Murid )	197
Lampiran 6 Transkrip Temubual ( Ain )	198
Lampiran 7 Transkrip Temubual ( Syafiq )	199
Lampiran 8 Transkrip Temubual ( Goh )	200
Lampiran 9 Transkrip Temubual ( Afiq )	201
Lampiran 10 Transkrip Temubual ( Hemaraj )	202
Lampiran 11 Data Pemerhatian Turut Serta ( Goh )	203
Lampiran 12 Data Pemerhatian Turut Serta ( Syafiq )	204
Lampiran 13 Data Pemerhatian Turut Serta ( Afiq )	205
Lampiran 14 Data Pemerhatian Turut Serta ( Ain )	206
Lampiran 15 Data Pemerhatian Turut Serta ( Hemaraj )	207
Lampiran 16 Temubual Bapa ( Ain )	208
Lampiran 17 Temubual Guru ( Guru Koperasi )	209
Lampiran 18 Temubual Guru ( Guru Matematik )	210
Lampiran 19 Temubual Pembantu Pengurusan Murid	211
Lampiran 20 Temubual Pengusaha Kantin	212

## SENARAI JADUAL

## MUKA SURAT

Jadual 4.1	Peratus penguasaan kemahiran membeli Goh bagi tahap 1	62
Jadual 4.2	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 1	63
Jadual 4.3	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 1	65
Jadual 4.4	Peratus penguasaan kemahiran membeli Goh bagi tahap 2.	66
Jadual 4.5	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 2	67
Jadual 4.6	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 2.	67
Jadual 4.7	Peratus penguasaan kemahiran membeli Goh bagi tahap 3.	68
Jadual 4.8	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 3	69
Jadual 4.9	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 3.	70
Jadual 4.10	Peratus penguasaan kemahiran membeli Goh bagi tahap 4.	70
Jadual 4.11	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 4.	71
Jadual 4.12	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 4.	73
Jadual 4.13	Peratus penguasaan kemahiran membeli Syafiq bagi tahap 1.	74
Jadual 4.14	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 1.	75
Jadual 4.15	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 1 di kelas	76
Jadual 4.16	Peratus kemahiran membeli Syafiq bagi tahap 2.	77
Jadual 4.17	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 2.	78
Jadual 4.18	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 2.	80
Jadual 4.19	Peratus penguasaan kemahiran membeli Syafiq bagi tahap 3	80
Jadual 4.20	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 3	81
Jadual 4.21	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 3	82

Jadual 4.22	Peratus Penguasaan kemahiran membeli Syafiq bagi tahap 3	83
Jadual 4.23	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 4	84
Jadual 4.24	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 4	84
Jadual 4.25	Peratus penguasaan kemahiran membeli Ain bagi tahap 1	85
Jadual 4.26	Kekerapan penguasaan kemahiran membeli Ain bagi tahap 1.	86
Jadual 4.27	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 1	87
Jadual 4.28	Peratus penguasaan kemahiran membeli Ain bagi tahap 2.	87
Jadual 4.29	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 2	88
Jadual 4.30	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 2.	89
Jadual 4.31	Peratus penguasaan kemahiran membeli Ain bagi tahap 3	89
Jadual 4.32	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 3.	90
Jadual 4.33	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 4	91
Jadual 4.34	Peratus penguasaan kemahiran membeli Ain bagi tahap 4	92
Jadual 4.35	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 4	93
Jadual 4.36	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 4.	93
Jadual 4.37	Peratus penguasaan kemahiran membeli Afiq bagi tahap 1	94
Jadual 4.38	Kekerapan penguasaan kemahiran membeli Afiq bagi tahap 1	95
Jadual 4.39	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 1	96
Jadual 4.40	Peratus Penguasaan kemahiran membeli Afiq bagi tahap 2	97
Jadual 4.41	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 2	98
Jadual 4.42	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 2	98
Jadual 4.43	Peratus penguasaan kemahiran membeli Afiq bagi tahap 3	99
Jadual 4.44	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 3	100
Jadual 4.45	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 2	101

Jadual 4.46	Peratus penguasaan kemahiran membeli Afiq bagi tahap 4.	101
Jadual 4.47	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 4	102
Jadual 4.48	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 4.	103
Jadual 4.49	Peratus penguasaan kemahiran membeli Hemaraj bagi tahap	104
Jadual 4.50	Kekerapan penguasaan kemahiran membeli Hemaraj bagi tahap 1.	105
Jadual 4.51	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 1	106
Jadual 4.52	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 2	107
Jadual 4.53	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 2	108
Jadual 4.54	Peratus penguasaan kemahiran membeli Hemaraj bagi tahap 3.	108
Jadual 4.55	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 3	109
Jadual 4.56	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 3	110
Jadual 4.57	Peratus penguasaan kemahiran membeli Hemaraj bagi tahap 4.	111
Jadual 4.58	Set nilai harga bagi fasa baseline tahap 4	112
Jadual 4.59	Set nilai harga bagi fasa intervensi tahap 4	112
Jadual 4.60	Peratus penguasaan kemahiran membeli Goh bagi tahap 1.	113
Jadual 4.61	Peratus penguasaan kemahiran membeli Goh bagi tahap 2.	115
Jadual 4.62	Peratus penguasaan kemahiran membeli Goh bagi tahap 3.	116
Jadual 4.63	Peratus penguasaan kemahiran membeli Goh bagi tahap 4.	117
Jadual 4.64	Peratus penguasaan kemahiran membeli Syafiq bagi tahap 1.	118
Jadual 4.65	Peratus penguasaan kemahiran membeli Syafiq bagi tahap 2.	119
Jadual 4.66	Peratus penguasaan kemahiran membeli Syafiq bagi tahap 3.	121
Jadual 4.67	Peratus penguasaan kemahiran membeli Syafiq bagi tahap 4.	122
Jadual 4.68	Peratus penguasaan kemahiran membeli Ain bagi tahap 1.	123
Jadual 4.69	Peratus penguasaan kemahiran membeli Ain bagi tahap 2.	124

Jadual 4.70	Peratus penguasaan kemahiran membeli Ain bagi tahap 3.	125
Jadual 4.71	Peratus penguasaan kemahiran membeli Ain bagi tahap 4	126
Jadual 4.72	Peratus penguasaan kemahiran membeli Afiq bagi tahap 1.	127
Jadual 4.73	Peratus penguasaan kemahiran membeli Afiq bagi tahap 2	129
Jadual 4.74	Peratus penguasaan kemahiran membeli Afiq bagi tahap 3.	130
Jadual 4.75	Peratus penguasaan kemahiran membeli Afiq bagi tahap 4.	131
Jadual 4.76	Peratus penguasaan kemahiran membeli Hemaraj bagi tahap 1.	132
Jadual 4.77	Peratus penguasaan kemahiran membeli Hemaraj bagi tahap 2.	133
Jadual 4.78	Peratus penguasaan kemahiran membeli Hemaraj bagi tahap 3.	134
Jadual 4.79	Peratus penguasaan kemahiran membeli Hemaraj bagi tahap 4	136

## **SENARAI GAMBARAJAH**

### **MUKA SURAT**

1	Struktur Model Romiszowski	27
2	Kerangka Konsep Kajian	41
3	Metodologi Kajian	47

# **KESAN INTERVENSI ‘TAMBAH SERINGGIT LAGI + BEG SAYA’ TERHADAP KEMAHIRAN MEMBELI MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN**

## **ABSTRAK**

Murid bermasalah pembelajaran cenderung berhadapan dengan masalah membuat pembelian disebabkan kekangan pengiraan nilai wang terutama mengira nilai sen bagi membuat pembayaran. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan penggunaan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’ bagi membantu murid bermasalah pembelajaran membuat pembelian secara berdikari. Intervensi ini memerlukan murid memberi tambahan satu ringgit lagi bagi menggantikan nilai sen semasa membuat bayaran. Di samping itu, persepsi ibu bapa serta guru terhadap intervensi ini juga dikaji. Kesan intervensi ini diukur melalui reka bentuk penyelidikan *multiple baseline* merentasi subjek. Lima orang murid bermasalah pembelajaran peringkat menengah telah dipilih sebagai subjek kajian. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa intervensi ini berkesan bagi meningkatkan kemahiran membeli murid bermasalah pembelajaran. Peserta kajian juga dilihat turut dapat menggunakan kefahaman melalui intervensi ini walaupun selepas proses intervensi tamat. Namun begitu mereka melalui peringkat kefahaman yang berbeza. Para guru dan ibu bapa turut memberikan persepsi yang positif setelah melihat perubahan yang berlaku apabila intervensi ini diberikan. Kajian ini membuktikan bahawa murid bermasalah pembelajaran dapat membuat pembelian secara berdikari apabila strategi yang digunakan sesuai dengan tahap keupayaan mereka.

# **EFFECT OF ‘TAMBAH SERINGGIT + BEG SAYA’ STRATEGY ON PURCHASING SKILLS OF STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES**

## **ABSTRACT**

Students with learning disabilities often face problems in purchasing because they lack skills in counting money. The purpose of this study is to examine the effects of the ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’ intervention on purchasing skills of students with learning disabilities. The study was conducted in two settings, that is, in the classroom and in the school cooperative shop, D’smart. In addition, the perception of teachers and parents were sought. A single-subject research design using multiple baseline across participants were used to evaluate the intervention effects. Five students with learning disabilities were purposely sampled. The intervention was the ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’. The findings revealed that the intervention was effective in improving the purchasing skills of the students. Moreover, the the students’ achievement were also maintained after the intervention. However, the level of achievement varied across subjects. In addition, teachers, and parent who were interviewed indicated positive perceptions of the effects of the intervention. This study contributed to research by demonstrating that the ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’ intervention can be implemented successfully for children with learning disabilities.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Kepentingan kepada pendidikan khas telah termaktub di dalam Akta Orang Kurang Upaya (2008), yang telah menggariskan akses kepada pendidikan. Di Malaysia, murid berkeperluan pendidikan khas menerima pendidikan dari pelbagai organisasi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan badan-badan bukan kerajaan. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) [2013] telah menafsirkan Pendidikan Khas sebagai pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas di suatu sekolah khas, atau di sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi atau program inklusif dari tahap pra sekolah sehingga tahap selepas menengah.

Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan program integrasi ataupun program inklusif untuk murid bermasalah pembelajaran. Program pendidikan khas inklusif ertinya suatu program pendidikan yang disediakan bagi murid berkeperluan pendidikan khas untuk bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan (Peraturan Pendidikan Khas, 2013). Program pendidikan khas integrasi ertinya suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan khas yang hanya dihadiri oleh murid berkeperluan pendidikan khas di kelas khas di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan (Peraturan-Peraturan

Pendidikan Khas, 2013). Matlamat akhir pembelajaran murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran adalah untuk memastikan mereka berupaya mengurus diri, menguasai dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai murni agar mereka boleh bersosialisasi dan berdikari dalam menjalani kehidupan seharian (Bahagian Pendidikan Khas, 2015)

Justeru, satu kajian untuk meningkatkan keupayaan membeli murid bermasalah pembelajaran di program integrasi bermasalah pembelajaran sekolah menengah telah dilakukan oleh pengkaji bagi menyokong hasrat ini. Perbincangan lanjut seperti latar belakang kajian, penyataan masalah, rasional kajian serta tujuan dan objektif kajian dijelaskan di dalam bab ini.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kanak-kanak berkeperluan khas adalah gelaran yang diberi kepada kanak-kanak yang memerlukan keperluan khas. Kanak-kanak berkeperluan khas juga disebut sebagai kanak-kanak istimewa, kanak-kanak kurang upaya atau kanak-kanak cacat. Murid berkeperluan pendidikan khas ertinya murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, bermasalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan daripada senarai ketidakupayaan ini (Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013).

Dalam tahun 1980an, istilah 'bermasalah pembelajaran' mula digunakan bagi menggantikan istilah cacat akal. Penggunaan istilah ini lebih menjurus ke arah yang lebih positif dan mengurangkan keaiban. Murid bermasalah pembelajaran terdiri daripada murid yang menghadapi masalah kognitif dan masalah perkembangan seperti terencat akal minima, sindrom Down, hiperaktif, autisma dan bermasalah pembelajaran spesifik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Murid bermasalah pembelajaran menerima pendidikan berdasarkan kurikulum pendidikan khas yang dibina oleh pihak KPM. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel, menarik, berfokus dan bersesuaian dengan keupayaan serta kebolehan murid pendidikan khas disediakan (Jabatan Pendidikan Khas, 2003).

Melalui peredaran waktu, proses penglibatan murid bermasalah pembelajaran di dalam komuniti semakin berkembang. Golongan ini kini diberi ruang dan peluang untuk berfungsi bersama masyarakat. Keperluan hidup di dalam komuniti ini secara tidak langsung telah meletakkan satu keperluan bagi mereka memiliki kemahiran-kemahiran yang penting untuk digunakan apabila berada di dalam komuniti. Salah satu kemahiran yang penting dalam kehidupan mereka ialah kemahiran menguruskan wang (Colyer & Collins, 1996, Browder & Grasso, 1999, Snell, 2000).

Pengajaran mengenai kemahiran wang perlulah menjadi keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah terutama di peringkat sekolah menengah. Hal ini kerana sejak peringkat sekolah rendah, proses numerasi dan nilai wang telah diterapkan dan menjadi keutamaan, namun sekiranya murid masih tidak dapat

menguasai proses ini dengan baik, ini bermakna murid perlu diajar menggunakan intervensi-intervensi tertentu yang bersesuaian bagi mereka menguasai kemahiran kewangan ini. Matlamat pendidikan sekolah menengah bukan sahaja bagi menyediakan kehidupan yang berdikari malah peringkat sekolah menengah juga merupakan tahap terakhir mereka di dunia persekolahan dan adalah peluang terakhir untuk mengajar mereka menguasai kemahiran dalam situasi yang formal.

Umumnya, diketahui bahawa keupayaan mental murid bermasalah pembelajaran rata-rata amat terbatas bagi mengaplikasikan teknik pengajaran yang sedia dipakai kepada murid biasa. Golongan ini memerlukan pengajaran yang dibezakan daripada individu biasa (Browder, Spooner, Ahlgrim-Delzell, Harris & Wakeman, 2008).

Sebagai penyelesaiannya, pelbagai intervensi dan kaedah telah diadaptasikan untuk murid bermasalah pembelajaran. Sebagai contoh, pembezaan pengajaran untuk memoderasikan penggunaan kaedah pengajaran kemahiran nilai wang termasuk penggunaan kalkulator, kad debit, kad imbas dan sebagainya. Moderasi ini membantu murid dengan aras mental yang lebih rendah yang masih tidak mampu menguasai kemahiran nilai wang. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kaedah yang dimoderasi ini masih lagi memerlukan penggunaan konsep matematik yang mungkin masih kompleks bagi mereka (Browder & Grasso, 1999; Denny & Test, 1995).

Kajian luar negara telah membuktikan bahawa penggunaan kaedah 'Next Dollar Strategy' (diterjemah sebagai 'Intervensi Tambah Seringgit Lagi') telah berjaya membantu murid bermasalah pembelajaran mengatasi dilema membuat pembelian

dengan menggunakan wang (Browder, 2010). Konsep intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ hanya menuntut murid mempunyai kemahiran numerasi yang minima. Oleh sebab itu, intervensi ini dianggap sesuai untuk mengajar kemahiran membeli kepada murid bermasalah pembelajaran. Walau bagaimanapun, intervensi ini masih belum lagi diuji dengan murid bermasalah pembelajaran di Malaysia. Melalui intervensi ini, murid hanya perlu mengira nilai bagi ringgit sahaja dan menambah satu lagi ringgit bagi menggantikan nilai sen, dan seterusnya menunggu bakinya (Browder & Spooner, 2011).

Sebagai sokongan bagi mengukuhkan penggunaan intervensi ini, pengkaji telah merekabentuk penggunaan ‘beg’. Beg yang dimaksudkan ini telah direka oleh penyelidik agar disesuaikan penggunaannya dengan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’. Beg ini diberi nama oleh penyelidik sebagai ‘Beg Saya’. Penjelasan lanjut berkenaan beg ini dan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ di huraikan secara lanjut di dalam bab 2. Intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ dengan penambahbaikan yang direka oleh penyelidik merupakan tumpuan kajian ini.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Murid bermasalah pembelajaran telah dikenalpasti sebagai golongan yang memerlukan pengajaran yang berbeza daripada murid perkembangan tipikal. Ini disebabkan keupayaan mereka untuk memproses sesuatu maklumat sangat terhad. Keupayaan mereka untuk menaakul juga berbeza berbanding dengan orang lain. Selain itu, mereka turut mengalami masalah untuk mengingat dan menyimpan sesuatu maklumat (Hallahan & Kauffman, 2000). Rentetan daripada kekangan ini, mereka

terpaksa meraih simpati dari pelbagai pihak bagi melakukan aktiviti asas dalam kehidupan mereka.

Wang menjadi nilai tukaran bagi pelbagai unsur pembelian. Murid bermasalah pembelajaran seringkali menghadapi masalah bagi membeli barang keperluan sebab ukuran nilai wang dengan harga barang yang ingin dibeli tidak dapat dikenalpasti (Mechling, Gast & Barthold, 2003). Walaupun masalah yang sama juga dialami oleh murid-murid bermasalah pembelajaran di Malaysia, tetapi masalah ini masih amat kurang dikaji secara formal di Malaysia dan literatur tempatan mengenai masalah ini masih amat kekurangan. Lee (2013) telah menyatakan bahawa kurikulum kemahiran kewangan yang diterapkan dalam kurikulum sekarang tidak memadai untuk menyediakan kemahiran pengurusan kewangan untuk kehidupan berdikari.

Bagi melihat permasalahan yang berlaku dalam dunia sebenar murid bermasalah pembelajaran, penyelidik telah menemubual guru, pembantu pengurusan murid pendidikan khas, pekerja kantin dan ibu bapa murid pendidikan khas di sebuah sekolah menengah integrasi pendidikan khas. Temubual ini bertujuan bagi mendapatkan maklumat yang memaparkan situasi permasalahan yang sebenar berlaku di sekolah. Hasil temubual bersama mereka membuktikan bahawa pergolotan mendapatkan barangan yang sesuai dengan nilai wang sering berlaku di kantin sekolah dan di dalam kehidupan seharian mereka.

Temubual dari pihak ibu bapa telah memperlihatkan situasi pergantungan yang kuat dalam aspek membuat pembelian murid bermasalah pembelajaran. Terdapat para

ibu bapa yang cenderung memberi bekal makanan kepada anak mereka. Malah ada yang sanggup meninggalkan kerja dan perniagaan di waktu rehat murid bermasalah pembelajaran semata-mata untuk memberi makanan kepada anak mereka walaupun anak mereka sudah berada di sekolah menengah.

Temubual dengan pihak ibu bapa menunjukkan bahawa murid bermasalah pembelajaran peringkat menengah masih belum menguasai kemahiran membeli. Oleh kerana itu, Ibu bapa yang tidak dapat meluangkan masa terpaksa memberi sejumlah wang kepada pihak kantin setiap bulan bagi bayaran kepada jumlah makanan yang diambil pada bulan terbabit. Ibu bapa yang tidak ingin bertindak demikian meminta bantuan guru dan pembantu murid pendidikan khas bagi membuat pembelian untuk anak mereka.

Temubual bersama tiga orang guru matematik yang berpengalaman mengajar murid bermasalah pembelajaran lebih dari tiga tahun juga telah mendapatkan hasil yang menarik. Kesemua mereka menggunakan kaedah tradisi mengajar nilai wang untuk mengajar murid mereka. Mereka sepakat mengatakan bahawa pembelajaran murid bermasalah pembelajaran seringkali tersekat setiap kali berlaku penggunaan duit syiling. Murid dapat mengira nilai ringgit tetapi apabila melibatkan nilai syiling, murid seringkali melakukan kesilapan malah ada yang enggan membuat pengiraan langsung.

Satu lagi perkara penting yang muncul semasa temu bual adalah walaupun sesuatu kemahiran sudah dikuasai dalam kelas, ini tidak bermaksud bahawa murid bermasalah pembelajaran boleh mengaplikasikannya dalam situasi sebenar. Menurut salah seorang guru

yang ditemubual, apabila murid diberi pengiraan wang dalam bentuk latihan secara menulis, murid dapat menunjukkan jawapan yang tepat. Namun sebaliknya berlaku apabila nilai yang sama digunakan di dalam situasi sebenar di kedai koperasi sekolah. Hasil daripada ini, walaupun pengajaran telah dibuat, namun murid masih tidak dapat menggunakannya dalam kehidupan seharian. Masalah menggunakan kemahiran yang telah dipelajari ke suatu situasi sebenar merupakan salah satu daripada isu utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pembelajaran (Gargiuolo, 2006; Hallahan & Kauffman, 2000).

Hasil kajian secara analisis meta mengenai keberkesanan instruksi dalam kemahiran membeli menunjukkan bahawa keperluan kemahiran perkiraan secara akademik seperti kemahiran tambah dan tolak telah membataskan keupayaan murid bermasalah pembelajaran untuk menguasai kemahiran membuat pembelian (Xin, Grasso, Dipipi Hoy & Jitendra, 2005). Majoriti individu biasa mempelajari kemahiran membeli sejak kecil melalui saluran tidak formal di dalam persekitaran sosial mereka. Namun, ini berbeza untuk golongan bermasalah pembelajaran yang memerlukan intervensi yang sistematik di sekolah bagi mencapai kemahiran ini (Ersoy-Quader & Yildirim Dogru, 2010).

Para pengkaji telah menyarankan agar lebih banyak kajian perlu dilaksanakan untuk menolong murid bermasalah pembelajaran meningkatkan kemahiran matematik berfungsi seperti kemahiran mengenal nilai wang dan membuat pembelian. (Browder, Spooner, Ahlgrim-Delzell, Haris & Wakeman, 2008).

Selain itu, digariskan di dalam Akta Orang Kurang Upaya (2008) bahawa penyesuaian kaedah pengajaran yang munasabah diperlukan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan orang kurang upaya. Di antara aspek yang perlu penyesuaian atau adaptasi adalah bahan pengajaran, kaedah pengajaran, serta kurikulum dan bentuk sokongan yang lain untuk memenuhi pelbagai keperluan orang atau kanak-kanak kurang upaya.

Konstruk ke 12 dan terakhir yang direncanakan dalam program LINUS-Numerasi (PEMANDU, 2010) yang menjadi salah satu aspek pencapaian bidang keberhasilan negara ialah keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian yang melibatkan mata wang, masa dan ukuran panjang. Murid yang gagal setelah mengikuti program LINUS akan disalurkan ke dalam program pendidikan khas bermasalah pembelajaran setelah proses saringan dan pemeriksaan perubatan dijalankan. Rentetan dari hal ini, semakin ramai murid yang bakal masuk ke dalam aliran pendidikan khas dan tanggungjawab ini akan digendong oleh guru pendidikan khas. Maka keperluan terhadap pengajaran yang lebih dinamik dan bersesuaian setelah gagal dari program LINUS akan menjadi satu keperluan yang meruncing.

Oleh sebab itu, penyelidik berhasrat untuk mengkaji intervensi yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar kemahiran tersebut di dalam kelas pendidikan khas. Intervensi yang dimaksudkan adalah intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ yang telah ditambahbaik oleh penyelidik. Justeru diharapkan agar kajian ini akan membantu para guru pendidikan khas mengajar murid bermasalah pembelajaran terutamanya bagi mencapai kemahiran membeli dengan cara yang mudah dan praktikal.

#### **1.4 Tujuan Kajian.**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’ terhadap kemahiran membeli murid bermasalah pembelajaran. Gabungan penggunaan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ dengan penggunaan ‘Beg Saya’ bertujuan untuk memoderasikan proses membeli ke tahap yang paling mudah dan praktikal untuk digunakan dalam komuniti terhadap murid bermasalah pembelajaran.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif-objektif kajian dihuraikan di bawah:

1. Mengkaji kesan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’ untuk membantu murid bermasalah pembelajaran menguasai kemahiran membeli di dalam kelas.
2. Mengkaji kesan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’ untuk membantu murid bermasalah pembelajaran menguasai kemahiran membeli dalam situasi sebenar (kedai di sekolah).
3. Mendapatkan persepsi ibubapa, guru dan murid terhadap intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’.

## **1.6 Persoalan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Adakah intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’ berkesan untuk membantu murid bermasalah pembelajaran menguasai kemahiran membeli semasa pembelajaran di kelas?
2. Adakah intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’ berkesan untuk membantu murid bermasalah pembelajaran menguasai kemahiran membeli dalam situasi sebenar (kedai di sekolah)?
3. Apakah persepsi ibubapa, guru, pembantu pengurusan murid serta pengusaha kantin terhadap penggunaan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’ kepada murid bermasalah pembelajaran?

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kemahiran membuat pembelian menggunakan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ dengan penggunaan ‘Beg Saya’ telah dipilih sebagai topik kajian kerana desakan murid bermasalah pembelajaran yang sering bergelut dalam situasi sebenar bagi membuat sesuatu pembelian. Intervensi ini dijelaskan dengan terperinci di dalam Bab 2. Penekanan terhadap topik ini dipilih kerana aspek pembelian merupakan antara

keperluan asas yang paling utama dalam meneruskan kehidupan dan diaplikasikan di dalam kehidupan seharian.

Browder dan Grasso (1999) telah melaporkan bahawa intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ ini merupakan salah satu teknik yang paling berkesan untuk membantu murid bermasalah pembelajaran mengenalpasti jumlah wang yang perlu diberi apabila membuat pembelian. Adalah diharapkan agar intervensi pembelajaran yang direka bentuk untuk kajian ini berguna untuk murid bermasalah pembelajaran. Kajian ini dapat memberi peluang kepada murid memperolehi intervensi pengajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan mereka dan akhirnya membantu mengukuhkan proses membuat pembelian murid bermasalah pembelajaran ke tahap boleh membeli.

Melalui penguasaan kemahiran intervensi di dalam kajian ini, murid bermasalah pembelajaran dapat membuat pembelian dengan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain. Hal ini membolehkan murid bermasalah pembelajaran dapat menggunakan pengetahuan yang ada bagi menjalani kehidupan yang bermakna dan bermaruah tanpa pergantungan serta simpati dari pihak lain.

Selain itu juga, kajian ini mampu menjadi model kepada pembinaan intervensi dan bahan pengajaran yang menarik dan berkualiti bagi subjek-subjek berkaitan yang lain. Seterusnya, kajian ini diharapkan boleh memberi lebih banyak pilihan kaedah pengajaran bagi guru-guru pendidikan khas dalam memenuhi keperluan unik murid bermasalah pembelajaran.

## **1.8 Batasan Kajian**

Oleh sebab, kajian ini merupakan kajian satu subjek yang melibatkan lima murid bermasalah pembelajaran dari sebuah sekolah menengah, maka generalisasi hasil kajian adalah terhad. Selain itu, proses pengajaran dihadkan kepada nilai wang dalam lingkungan RM 1 - RM 20. Hal ini memandangkan keperluan murid bermasalah pembelajaran yang memerlukan pembelajaran secara berperingkat.

## **1.9 Definisi Istilah**

Beberapa istilah dalam kajian ini ditakrifkan secara konseptual dan operasional seperti di bawah :

### **1.9.1 Murid Bermasalah pembelajaran**

Kanak-kanak yang terdiri daripada pelbagai kategori kurang upaya seperti kanak-kanak autisme, sindrom Down, bermasalah intelek, terencat akal, kecelaruan tingkah laku, bermasalah komunikasi. Di samping itu, mereka juga mengalami masalah kemahiran literasi asas (membaca, menulis dan mengira) (Bahagian Pendidikan Khas, 2005). Di dalam kajian ini, murid bermasalah pembelajaran terdiri daripada campuran kumpulan kanak-kanak tahap rendah yang mempunyai satu atau lebih ketidakupayaan termasuk ketidakupayaan kognitif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015)

### **1.9.2 Kemahiran membeli**

Kamus Dewan edisi ke empat (1997), menakrifkan perkataan ‘membeli’ sebagai memperoleh barang dengan membayar (harganya). Istilah ‘kemahiran’, menurut Kamus Pelajar edisi kedua (2008), merujuk kepada kepandaian atau kecekapan melakukan sesuatu. Di dalam konteks kajian ini, kemahiran membeli merujuk kepada keupayaan murid membuat bayaran bagi barangan yang dibeli senilai dengan harga dalam Ringgit Malaysia. Kemahiran ini juga merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.

### **1.9.3 Intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’**

Intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ merupakan intervensi untuk membuat pembelian yang lebih ringkas dan sesuai digunakan oleh murid yang mempunyai masalah mengira wang terutama duit syiling. Intervensi ini memerlukan murid melihat harga barang dan seterusnya menambah RM 1 kepada harga tersebut sekiranya ada nilai sen (Browder & Grasso, 1999; Lee, 2011). Intervensi ini menjadi asas kepada kajian ini.

### **1.9.4 ‘Beg Saya’**

‘Beg Saya’ adalah beg bagi menyimpan wang yang direka khas bagi menyokong penguasaan pembelajaran intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’. Beg ini bukan sahaja boleh membimbing murid belajar secara berperingkat malah membantu mengurangkan peluang murid melakukan kesilapan semasa proses membeli.

### **1.9.5 Intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi + Beg Saya’**

Kaedah ini menggabungkan kemahiran intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ dan penggunaan 'Beg Saya'. Gabungan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ seiring dengan penggunaan 'Beg Saya' bertujuan memudahkan murid semasa proses membeli.

### **1.10 Kesimpulan**

Penggunaan intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran sangat kurang pendedahannya di Malaysia. Justeru, melalui kajian ini diharapkan dapat membantu murid bermasalah pembelajaran mengembangkan potensi mereka dalam kemahiran membeli.

Para guru pendidikan khas yang mengajar murid bermasalah pembelajaran khususnya berpeluang didedahkan dengan satu kaedah pengajaran yang mudah dan praktikal penggunaannya. Malah, hasrat bagi mencapai kehidupan yang bermakna kepada murid bermasalah pembelajaran dapat dicapai melalui pembelajaran yang bermakna ini.

Selain itu, melalui kajian ini diharap dapat memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran akademik berfungsi berdasarkan Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah pembelajaran di Malaysia. Bab ini telah memberi gambaran mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, serta tujuan dan kepentingan kajian ini. Huraian yang lebih terperinci akan dipaparkan dalam bab berikutnya.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Di dalam bab ini, beberapa konstruk yang berkaitan dengan penyelidikan ini serta bahan-bahan penulisan dan kajian-kajian lepas berkaitan dihuraikan. Definisi bermasalah pembelajaran dalam konteks luar dan dalam negara turut dibincangkan. Ciri-ciri bermasalah pembelajaran yang memberi kesan dalam pencapaian akademik berfungsi turut dihuraikan. Seterusnya satu sorotan literatur mengenai intervensi ‘Tambah Seringgit Lagi’ dihuraikan. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan intervensi ini dan kaitannya dengan pencapaian murid bermasalah pembelajaran turut dihuraikan.

Di samping itu, teori pembelajaran behavioristik dan kognitif turut dibincangkan. Seterusnya, Model Romiszowski yang menjadi kerangka perancangan pengajaran program pembelajaran untuk murid bermasalah pembelajaran dihuraikan. Penerangan mengenai bab ini berakhir dengan satu kerangka konsep bagi menggambarkan keseluruhan fokus konseptual kajian penyelidikan.

Kaedah analisa tinjauan literatur yang dilakukan oleh penyelidik adalah menerusi pencarian maklumat melalui pangkalan data seperti ‘Psych Info’, ‘EBSCOHOST’, ‘ERIC’. Diskripsi pencarian meliputi istilah kemahiran kewangan, matematik, membuat

pembelian dan kemahiran hidup dalam ruang lingkup murid bermasalah pembelajaran. Selain itu jurnal, artikel serta rumusan kajian ilmiah turut diperolehi dari buku dan bahan ilmiah di perpustakaan nyata dan maya.

## **2.2 Definisi Bermasalah pembelajaran**

Definisi bermasalah pembelajaran agak luas dan masih dikaji sehingga sekarang. Selain itu, definisi ini juga telah ditafsirkan dalam ruang lingkup yang berbeza di dalam dan di luar negara. Gargiulo (2006) telah menyuarakan masalah untuk mencari definisi yang tepat berhubung bermasalah pembelajaran. Kirk (1993) mendefinisikan murid bermasalah pembelajaran sebagai kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak biasa dari segi ciri-ciri mental, keupayaan deria, saraf otot, fizikal, tingkah laku sosial, emosi, komunikasi atau pelbagai kekurangan sehingga mereka memerlukan amalan-amalan sekolah yang diubahsuai. Tahap pencapaian pendidikan mereka amat rendah dan peningkatan pencapaian adalah perlahan dan minimum.

Lerners (2003) juga telah menyenaraikan beberapa ciri murid bermasalah pembelajaran dari aspek pembelajaran dan tingkah laku. Antaranya ialah kecelaruan tumpuan; tahap kemahiran motor yang rendah; lemah dari aspek proses psikologikal dan maklumat, terutamanya dalam menyelesaikan masalah; lemah dalam menggunakan keupayaan kognitif untuk pembelajaran yang berkesan; masalah pertuturan; masalah membaca; masalah penulisan; masalah kuantitatif dan kekurangan kemahiran sosial yang lain.

Definisi yang lebih terperinci ialah daripada ‘The National Joint Committee for Learning Disabilities’ [NJCLD] (2011). Mereka merumuskan bermasalah pembelajaran sebagai satu konsep yang umum dan berlaku dalam kelompok yang pelbagai, di mana kelompok ini memperlihatkan kesukaran dari aspek memperoleh dan menggunakan kemahiran mendengar, menulis, bertutur, menjelas dan kemahiran matematik.

Ini bermaksud murid yang mempunyai kesukaran dari aspek memperoleh dan menggunakan kemahiran mendengar, menulis, bertutur, menjelas dan kemahiran matematik akan diklasifikasi sebagai bermasalah pembelajaran apabila tiada ketidakupayaan yang lain seperti terencat akal, masalah sensori, masalah emosi yang serius. Bermasalah pembelajaran juga bukan akibat daripada impak luaran seperti perbezaan budaya ataupun kekurangan diberi pengajaran. Murid yang mengalami kesukaran belajar akibat daripada kekurangan pengajaran tidak dikategorikan sebagai bermasalah pembelajaran.

Hal ini berbeza di Malaysia. definisi bermasalah pembelajaran ditakrifkan secara umum dan dalam konteks yang lebih luas. Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas 2015 murid berkeperluan khas diklasifikasi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama adalah murid berkeperluan khas masalah pembelajaran yang berkeupayaan mengikuti matapelajaran kemahiran vokasional manakala kumpulan kedua adalah murid bermasalah pembelajaran yang mempunyai kombinasi satu atau lebih ketidakupayaan termasuk ketidakupayaan kognitif. Mengikut Bahagian Pendidikan Khas, masalah pembelajaran dianggap sebagai masalah neurologi. Ianya berkaitan dengan cara otak menerima, memproses, menganalisis dan menyimpan

maklumat. Masalah pembelajaran merupakan kecelaruan dalam satu atau lebih daripada satu proses psikologi yang melibatkan kefahaman, penggunaan bahasa lisan atau bertulis. Kecelaruan ini boleh menjejaskan keupayaan mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis, mengeja atau mengira. Masalah pembelajaran termasuklah masalah pembelajaran akademik, bahasa, ingatan, sosioemosi, kemahiran motor dan koordinasi serta hiperaktiv. Kategori murid-murid masalah pembelajaran seperti disleksia, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*, *Slow Learner*, Autisme, Sindrom Down dan terencat akal (Bahagian Pendidikan Khas, 2015).

### **2.3 Ciri-ciri Bermasalah Pembelajaran dan Kesannya Terhadap Pembelajaran.**

Individu bermasalah pembelajaran adalah individu yang unik di mana tiada satu daripada mereka mengalami tanda-tanda bermasalah pembelajaran yang sama antara satu sama lain. Lerner (2003) juga telah menyenaraikan beberapa ciri murid bermasalah pembelajaran dari aspek pembelajaran dan tingkah laku seperti kecelaruan tumpuan, tahap kemahiran motor yang rendah, lemah dari aspek proses psikologikal dan maklumat, terutama dalam menyelesaikan masalah serta lemah dalam menggunakan keupayaan kognitif untuk melaksanakan intervensi pembelajaran yang berkesan.

Di samping itu, murid bermasalah pembelajaran turut menghadapi masalah pertuturan, masalah membaca, masalah penulisan, masalah kuantitatif dan defisit dalam kemahiran sosial. Beliau merumuskan bahawa tidak semua individu bermasalah pembelajaran mempunyai kesemua ciri-ciri yang dinyatakan tetapi mereka mungkin mengalami salah satu atau kombinasi beberapa ciri.

Hallahan dan Kauffman (2000) telah menyenaraikan beberapa ciri murid bermasalah pembelajaran dari aspek psikologikal dan tingkah laku. Menurutnya, murid bermasalah pembelajaran mengalami masalah dalam pencapaian akademik terutamanya dari aspek membaca, menulis, bertutur dan mengira. Dalam pada itu, mereka juga menghadapi kesukaran dalam membuat persepsi, masalah motor serta masalah koordinasi. Gargiulo (2006) turut mengutarakan bahawa masalah menulis menggunakan tangan timbul disebabkan ketidakupayaan dari aspek koordinasi kemahiran motor dan pemahaman spatial.

Namun begitu tidak semua individu bermasalah pembelajaran mempunyai kesemua ciri-ciri yang dinyatakan tetapi mereka mungkin mengalami salah satu atau kombinasi beberapa ciri-ciri terbabit. Kesan daripada ciri-ciri tersebut menyebabkan mereka memerlukan satu sistem pembelajaran yang bersesuaian dengan ketidakupayaan mereka. Beberapa kaedah pengajaran yang bersesuaian perlu digunakan bagi memaksimumkan pembelajaran mereka ke arah pembelajaran yang bermakna.

Sebagai rumusan, Gargiulo (2006) menyatakan bahawa ramai ahli profesional bersetuju bahawa masalah utama murid bermasalah pembelajaran ialah kelemahan dari aspek pencapaian akademik. Hal ini jelas dapat dilihat di dalam program-program integrasi bermasalah pembelajaran di mana murid bermasalah pembelajaran menunjukkan ciri-ciri yang sama. Pencapaian akademik yang rendah bukan sahaja memberi kesan terhadap kehidupan mereka malah ia juga boleh mengundang kepada masalah psikososial yang lain.

Melalui peredaran waktu, proses normalisasi individu khas ini di dalam masyarakat semakin rancak berkembang. Prinsip normalisasi ini secara tidak langsung telah meletakkan keperluan untuk memiliki kemahiran-kemahiran yang penting bagi mereka meneruskan kehidupan dalam komuniti sosial yang kompleks.

Tambahan pula peluang pekerjaan bagi individu berkeperluan khas semakin terbuka luas dengan galakan dan insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada pekerja khas, majikan dan akses kepada pekerjaan seperti yang termaktub dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008. Melalui peluang-peluang seperti ini, maka semakin banyakkah persaingan dan pergelutan kepada individu bermasalah pembelajaran untuk berfungsi dengan sebaiknya dalam masyarakat. Salah satu kemahiran yang penting dalam kehidupan mereka ialah kemahiran menguruskan wang (Colyer & Collins, 1996, Browder & Grasso 1999, Snell, 2000).

Oleh sebab itu, guru-guru pendidikan khas perlu mencuba pelbagai intervensi untuk meningkatkan tahap pencapaian murid bermasalah pembelajaran. Tambahan pula dalam melaksanakan kurikulum pendidikan khas, guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, serta menggunakan bahan bantu mengajar bagi mencapai pembelajaran yang bermakna. Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Khas bermasalah pembelajaran ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996, Bab 8-Pendidikan Khas, Seksyen 41, Subseksyen (1) (b).

Keseluruhan kurikulum ini adalah berlandaskan model konseptual kurikulum yang berfokus kepada keperluan individu murid pendidikan khas dengan mengambil kira kepelbagaian keupayaan murid-murid. Kurikulum ini berdasarkan tiga prinsip utama iaitu, pendidikan menyeluruh dan bersepadu, pembelajaran sepanjang hayat, serta pembelajaran yang menggembirakan dan bermakna.

#### **2.4 Kepentingan Kemahiran Wang untuk Murid Bermasalah pembelajaran.**

Menurut Browder dan Grasso (1999), pengurusan kewangan melibatkan pelbagai kemahiran dalam ruang lingkup yang luas. Secara umumnya, kemahiran ini meliputi :

- a) Kesedaran mengenai jumlah wang yang diperolehi.
- b) Kesedaran mengenai kaedah mendapatkan wang seperti perbankan.
- c) Kesedaran untuk membuat belanjawan sendiri.
- d) Kesedaran cara membelanjakan wang seperti membuat perbandingan harga, pembelian barangan dan sebagainya.
- e) Kesedaran mengenai cara menggunakan wang dan menggandakannya seperti membuat pelaburan atau simpanan.

Akta OKU (2008) menggariskan agar kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk membolehkan kanak-kanak berkeperluan khas mempelajari kemahiran hidup bagi memudahkan penyertaan penuh dan setara mereka dalam pendidikan. Berdasarkan pernyataan tersebut maka nyatalah bahawa penekanan terhadap kemahiran yang membolehkan individu kurang upaya berfungsi menjadi antara agenda yang diutamakan.